

**TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**

**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**PROGRAM KESUKARELANAN VOULENTEER TO INSTITUTION  
(V2I) JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT BERSAMA UTeM**

**28 OKTOBER 2017 (SABTU), 9.30 PAGI  
RUMAH SRI KENANGAN CHENG**

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

**1. YBhg. Dato' Hj Zulkipli Bin Ramli**

Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat

**2. YBrs. Encik Zulkifli Bin Ismail**

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Kebajikan Masyarakat

**3. YBrs. Encik Burhanuddin Bin Bachik**

Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka

**4. YBrs. Dr. Sopian Bin Brahim**

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Komuniti

**5. YBrs. Encik Hamdan Bin Puteh**

Perunding Kanan, Bahagian Transformasi Sektor Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam

**6. YBrs. Puan Erina Binti Ismail**

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi

**7. YBrs. Encik Azmir Bin Kasim**

Pengarah Bahagian Warga Emas

## **8. YBrs. Encik Kamarulzaman Bin Ismail**

Penguasa Rumah Seri Kenangan Cheng Melaka

Pengarah - Pengarah Bahagian dan Pengawai-Pegawai Kanan JKM,  
Pegawai-Pegawai UTeM, Jawatankuasa Penganjur, Para pelajar,  
Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,  
Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita sama-sama berhimpun di Rumah Sri Kenangan Cheng pada pagi ini bersempena program kesukarelawanan mahasiswa anjuran bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau lebih dikenali sebagai program *volunteer to institution* (v2i).
2. Dikesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat di atas kesudian untuk beganding bahu dalam menjayakan program kesukarelawanan ini. Tidak dilupakan, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang senantiasa memberikan sokongan padu dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program bermanfaat seumpama ini, yang pastinya memberikan impak yang amat besar kepada mahasiswa dan mahasiswi UTeM secara khususnya.

## **Hadirin dan hadirat sekalian,**

3. Program Volunteer to Institution (v2i) ini adalah program kerjasama strategik yang dapat meneroka peluang untuk menggalakkan penyertaan mahasiswa/i dalam aspek kesukarelawanan secara praktikal, selain dapat mewujudkan sinergi di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan UTeM ke arah meningkatkan perkhidmatan kebajikan di kalangan generasi muda masa ini. Dalam menyemarakkan lagi usaha murni ini, UTeM menerusi Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan dan JKM berhasrat untuk menjalinkan kerjasama menerusi Memorandum Persefahaman (MoU), yang sekali gus menyokong dan merealisasikan lebih banyak program kesukarelawanan anjuran secara bersama oleh UTeM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

3. Sebagai makluman, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, UTeM menawarkan subjek ko-kurikulum berteraskan kesukarelawanan yang meliputi 6 teras iaitu: (1) khidmat sokongan sosial, bimbingan dan psikologi; (2) khidmat keceriaan; (3) khidmat penjagaan kesihatan; (4) khidmat keagamaan/kerohanian, sukan, kebudayaan dan kesenian; (5) khidmat pendayaupayaan kapasiti klien dan pembangunan insaniah; (6) khidmat sokongan teknikal. Alhamdulillah, saya difahamkan bahawa institusi yang terpilih untuk bersama-sama terlibat dalam program ini adalah dari kalangan universiti awam teknikal iaitu UTeM, UTHM dan UMP, yang menjurus kepada teras yang keenam iaitu khidmat sokongan teknikal.
4. Selain daripada itu, program ini juga amat bertepatan dalam menyahut hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi inisiatif baru yang diperkenalkan bermula September 2017 iaitu Program Gap Year Volunteerism. Di UTeM, mahasiswa/i yang mengambil subjek kokurikulum - kesukarelawanan akan didaftarkan sebagai

sukarelawan kebajikan dan turut didaftarkan di dalam sistem kokurikulum di Universiti ini.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

5. Program v2i ini, yang telah bermula sejak hari Rabu lepas telah melibatkan seramai 300 mahasiswa/i. Pengisian program telah dirangka dan disusun dari awal bagi memastikan mahasiswa/i yang terlibat mendapat sesuatu yang amat bernilai sebagai bekalan diri masing-masing ini. Antara pengisian program adalah sesi perkongsian yang disampaikan oleh Bahagian Komuniti, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, NOSS, Skills Malaysia dan Institut Sosial Malaysia. Saya pasti saudara dan saudari telahpun mendapat pelbagai pendedahan dan ilmu pengetahuan, maka manfaatkanlah segala ilmu yang telah diperolehi ke arah kebaikan diri dan juga masyarakat setempat.



6. Saya berharap agar saudara dan saudari yang mengambil bahagian dalam program hari ini, bakal memperolehi pendedahan dan pengalaman berharga menerusi pelbagai aktiviti bersama penghuni Rumah Sri Kenangan Cheng. Tahniah diucapkan kepada saudara dan saudari yang hadir pada hari ini. Saya pasti, di penghujung program ini, saudara dan saudari akan mendapat sesuatu yang tidak mungkin diperolehi di mana-mana. Teruskan usaha memupuk nilai-nilai positif di seperti sikap bertanggungjawab, patriotisme, perpaduan dan penyayang di dalam diri anda semua.
7. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pengajian Tinggi, KPT, Jabatan Perkhidmatan Awam dan pihak pengurusan Rumah Sri Kenangan Cheng di atas kepercayaan, sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang program ini dilaksanakan.

8. Saya berharap agar kerjasama erat ini akan sentiasa berterusan di masa-masa yang akan datang. Semoga usaha murni ini mendapat keberkatan Illahi.
9. Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.*  
Terima kasih.